

29 JUL 2001

Koh-Tindakan

DR KOH CADANG TINDAKAN TEGAS BERDASARKAN KEPERLUAN DAN MERIT

PETALING JAYA, 29 Julai (Bernama) -- Naib Presiden Gerakan Tan Sri Dr Koh Tsu Koon hari ini mencadangkan tindakan tegas pada masa sekarang yang berasaskan kaum perlu ditukar kepada berdasarkan keperluan dan merit.

Beliau berkata mereka yang bekerja keras patut diberikan ganjaran supaya mereka akan bekerja lebih kuat lagi tetapi pada masa yang sama golongan miskin, ketinggalan dan cacat juga patut dibantu tanpa mengira bangsa mereka.

Negara ini memerlukan meritokrasi untuk berdepan dengan dunia yang semakin berdaya saing dan kejam terutama dengan pelaksanaan peraturan Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) dan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (AFTA) yang akan membuka sekatan perdagangan antara negara-negara, katanya pada persidangan perwakilan Gerakan Selangor di sini.

"Sebab itu kenapa kita memerlukan ekonomi yang sentiasa berkembang supaya semua bangsa akan sentiasa mendapat bahagian yang lebih besar dan tidak berkelahi antara satu sama lain untuk mengambil bahagian orang lain," katanya.

Bercakap kepada pemberita kemudiannya, Dr Koh, yang juga Ketua Menteri Pulau Pinang berkata cadangan meritokrasi bukannya perkara baru kerana ia telah dicadangkan oleh parti itu 12 tahun lepas.

"Kami juga mengemukakan cadangan itu kepada Majlis Perundingan Ekonomi Negara Pertama dan diterima pada dasarnya sebagai sebahagian objektif Wawasan 2020 tetapi tidak pernah dilaksanakan," katanya.

Dr Koh berkata cadangan Gerakan itu bukannya jenis meritokrasi kejam seperti yang diamalkan di negara-negara tertentu yang hanya menyokong mereka yang benar-benar cemerlang dan mengabaikan yang lainnya.

Mengulas cadangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk melaksanakan meritokrasi dalam pengambilan pelajar ke universiti awam, beliau berkata kemasukan ke universiti berdasarkan merit tidak bermakna mereka yang kurang kemampuan akan diabaikan.

"Ia akan mengambil kira banyak perkara lain seperti pencapaian akademik, latarbelakang keluarga, minat belajar dan bukan hanya berdasarkan kaum sahaja," katanya.

Beliau berkata parti itu akan mengemukakan cadangan perubahan itu sekali lagi kepada kerajaan persekutuan tetapi tidak memberikan tarikh mati bagi perkara itu.

Dr Mahathir pada Jumaat melahirkan kekecewaan dengan keputusan akademik lemah majoriti pelajar Melayu walaupun telah diberi layanan istimewa dan mengancam untuk menarik balik keistimewaan itu jika mereka tidak berubah.

-- BERNAMA

YBK DC RHM